



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PENOLONG PEMERIKSA KERETA (D.1-2-3 EB.4)
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.
- (E) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (F) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PENOLONG PEMERIKSA KERETA
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
D.1-2-3 EB.4 (\$530 - \$1,465 EB KHAS \$1,505 - \$1,665 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau sebanding.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Pengangkutan Darat dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Mempunyai sekurang-kurangnya Lesen Memandu kelas satu (01) atau tiga (03) yang sah (tidak mansuh). Mempunyai Lesen Memandu kelas empat (04) ke atas yang sah (tidak mansuh) adalah kelebihan.
3. Berkemahiran dalam Automobil atau Mekanikal adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Pemeriksaan pengesahan kenderaan *export* kekal dan sementara;
2. Bertugas di Pos-Pos Kawalan Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) secara berjadual;
3. Pemeriksaan Pengesahan Tukar Milik, Tukar Nombor Bilangan Pendaftaran, Tukar Injin dan Tukar Warna;
4. Pendaftaran Kenderaan Komersial;



5. Membuat pemeriksaan kenderaan tangkapan Bahagian Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Darat dan Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas (JSKLL), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB);
6. Pegawai-pegawai yang bertugas di Pusat Pemeriksaan Kenderaan (VIC) juga akan diperbantukan di Bahagian Teknikal dan Kenderaan Terbiar (AVNP), jika diperlukan;
7. Membuat pemeriksaan kemalangan yang melibatkan kematian;
8. Memeriksa kenderaan-kenderaan Kerajaan;
9. Pemeriksaan Pengesahan *Solarfilm*;
10. Bertugas di Cawangan-Cawangan JPD dan Pusat Pemeriksaan Kenderaan (VIC) secara berjadual; dan
11. Menerima arahan dari Pemeriksa Kereta Kanan.